



## 1. SENARAI PENYAKIT SEDIA ADA

**Penyakit Sedia Ada** bermaksud keilatan yang berlaku ke atas peserta di mana peserta harus tahu perkara tersebut. Peserta disifatkan sebagai mempunyai pengetahuan tentang penyakit sedia ada di mana salah satu daripada keadaan di bawah:-

- Peserta pernah atau sedang menerima rawatan.
- Menerima nasihat perubatan, penjagaan, diagnosis atau rawatan telah disyorkan.
- Simptom yang jelas dan nyata sebagai bukti.
- Kewujudan penyakit sepatutnya nyata kepada peserta dalam keadaan tersebut.

## 2. SENARAI PENYAKIT SPESIFIK

**Penyakit Spesifik** bermakna penyakit-penyakit yang di bawah dan komplikasi yang berkaitan, berlaku dalam tempoh 120 (Seratus Dua Puluh) hari dari tarikh kuatkuasa perlindungan SKIM MEDIC KT bermula:-

- Tekanan Darah Tinggi, Kencing Manis dan penyakit berkaitan Jantung.  
*Hypertension, Diabetes Mellitus and Cardiovascular Diseases.*
- Semua jenis Ketumbuhan, Kanser, Sista, Bintil, Polip, Batu Karang dan Sistem Hempedu (pembesaran sel tidak normal).  
*Stone of the Urinary System and Biliary System (Abnormal Cell Growth).*
- Semua penyakit Telinga, Hidung (termasuk Sinus) dan Tekak.  
*All Ear, Nose (including Sinuses) and Throat Conditions.*
- Hernia, Buasir, Fistula, Hydrocele, Varicocele (Pembentukan Massa atau Otot Tidak Normal/Pembesaran Organ)  
*Hernia, Haemorrhoids, Fistulae, Hydrocele, Varicocele (Abdormal Mass Development / Enlargement of Organ).*
- Endometrosis termasuk penyakit berkaitan dengan sistem peranakan wanita.  
*Endometriosis including disease of the Female Reproduction System.*
- Kelainan tulang belakang (termasuk Disk) dan keadaan lutut.  
*Vertebro-spinal Disorders (including Disc) and Knee Conditions.*

## 3. Kemasukan Ke Hospital Akibat

Kemasukan Ke Hospital Akibat	Tempoh Menunggu
Kemalangan	Tiada Tempoh Menunggu
Penyakit Biasa	30 hari
Penyakit Spesifik	120 hari
Penyakit Sedia Ada	365 hari
Tarikh Kuatkuasa Tempoh Menunggu	1hb bulan berikutnya selepas potongan gaji pertama bermula atau bayaran tunai dibuat

Nota:

- Perlindungan berkuatkuasa setelah borang permohonan dan bayaran sumbangan peserta diterima oleh Unit Insurans Koperasi Tentera (KT).
- Had perlindungan tahunan dan tempoh skim adalah seperti yang telah ditetapkan oleh KT dan Penanggung.
- Peserta bertanggungjawab menyemak potongan gaji setiap bulan.
- Penyertaan hanya boleh dihentikan selepas 12 bulan berkuatkuasa.
- Sekira keahlian ahli KT tidak aktif, skim ini akan terbatal.

## 8. PENGESAHAN DAN KELULUSAN KOPERASI TENTERA

**KOPERASI TENTERA**  
No. 1, Jalan 2/65C, Off Jalan Pahang Barat,  
53000 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-4027 2681 / 786 Fax: 03-4021 0246

Tandatangan & Cop Jawatan  
b/p Pengurus Insurans

Tarikh

Cop Koperasi Tentera

# SKIM MEDIC KT

## SYARAT DAN SENARAI SEMAK



### SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN SEMASA PERMOHONAN

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	UGAT	BIRO	MAJIKAN	PESARA
My Tentera / Kad Pengenalan	✓	✓	✓	✓
Salinan Penyata Gaji Terkini		✓	✓	
Borang Kelayakan Potongan Gaji (Diperolehi dari Koperasi Tentera)		✓		
Bayaran secara Tunai (6 bulan atau 12 bulan)				✓

**Nota:** Sila sertakan salinan Sijil Kelahiran / MyKad bagi tanggungan yang ingin dilindungi.

### SYARAT AM SKIM

#### 1. SENARAI PENYAKIT SEDIA ADA

- Penyakit Sedia Ada** bermaksud keilatan yang berlaku ke atas peserta di mana peserta harus tahu perkara tersebut. Peserta disifatkan sebagai mempunyai pengetahuan tentang penyakit sedia ada di mana salah satu daripada keadaan di bawah:-
- (a) Peserta pernah atau sedang menerima rawatan.
  - (b) Menerima nasihat perubatan, penjagaan, diagnosis atau rawatan telah disyorkan.
  - (c) Simptom yang jelas dan nyata sebagai bukti.
  - (d) Kewujudan penyakit sepatutnya nyata kepada peserta dalam keadaan tersebut.

#### 2. SENARAI PENYAKIT SPESIFIK

**Penyakit Spesifik** bermakna penyakit-penyakit yang di bawah dan komplikasi yang berkaitan, berlaku dalam tempoh 120 (Seratus Dua Puluh) hari dari tarikh kuatkuasa perlindungan SKIM MEDIC KT bermula:-

- (a) Tekanan Darah Tinggi, Kencing Manis dan penyakit berkaitan Jantung.  
*Hypertension, Diabetes Mellitus and Cardiovascular Diseases.*
- (b) Semua jenis Ketumbuhan, Kanser, Sista, Bintil, Polip, Batu Karang dan Sistem Hempedu (pembesaran sel tidak normal).  
*Stone of the Urinary System and Biliary System (Abnormal Cell Growth).*
- (c) Semua penyakit Telinga, Hidung (termasuk Sinus) dan Tekak.  
*All Ear, Nose (including Sinuses) and Throat Conditions.*
- (d) Hernia, Buasir, Fistula, Hydrocele, Varicocele (Pembentukan Massa atau Otot Tidak Normal/Pembesaran Organ)  
*Hernia, Haemorrhoids, Fistulae, Hydrocele, Varicocele (Abdormal Mass Development / Enlargement of Organ).*
- (e) Endometriosis termasuk penyakit berkaitan dengan sistem peranakan wanita.  
*Endometriosis including disease of the Female Reproduction System.*
- (f) Kelainan tulang belakang (termasuk Disk) dan keadaan lutut.  
*Vertebro-spinal Disorders (including Disc) and Knee Conditions.*

### NOTA

1. Skim ini terbuka kepada Ahli Koperasi Tentera yang aktif sahaja.
2. Skim ini hanya melindungi kemasukan ke hospital sahaja.
3. Kemasukan ke hospital bukan panel layak untuk membuat tuntutan bayaran semula bil rawatan.\*
4. Kemasukan ke hospital Kerajaan / IJN / HAT / RSAT / PPAT layak membuat tuntutan elau tunai harian.\*  
\* Semua tuntutan dan kemasukan hospital tertakluk kepada terma dan syarat polisi.
5. Kaedah bayaran sumbangan:
  - a. Masih Berkhidmat : UGAT / BIRO / Majikan - Bayaran melalui potongan Gaji.
  - b. Pesara : Bayaran secara Tunai.
6. Sebarang pertanyaan hendaklah merujuk kepada Unit Insurans KT.
7. Nama anak yang masih belajar, belum berkahwin dan tidak melebihi 25 tahun layak dilindungi.
8. Bagi setiap penambahan anak yang telah melebihi 5 orang, caj tambahan akan dikenakan.
9. Penyertaan hanya boleh dihentikan selepas 12 bulan berkuatkuasa.
10. Sekiranya keahlian ahli KT tidak aktif, skim ini akan terbatal dengan serta-merta tanpa notis.



# JADUAL MANFAAT SKIM MEDIC KT (AHLI KT)

## DI BAWAH PENANGGUNG ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD

### FAEDAH KEMASUKAN KE HOSPITAL AHLI & TANGGUNGAN

HAD PERLINDUNGAN TAHUNAN SETIAP SEORANG	RM25,000	RM50,000	RM100,000
<b>Penjagaan Dalam Hospital</b>			
Bilik Hospital & Makanan (Maks. 180 hari)	RM100	RM250	RM350
Unit Penjagaan Rapi (ICU) (Maks. 30 hari)	RM350	RM350	RM350
Perkhidmatan dan Bekalan di Hospital			
Yuran Pembedahan	Seperti yang Dicaj	Seperti yang Dicaj	Seperti yang Dicaj
Yuran Pakar Anestesia			
Caj Bilik Pembedahan			
Yuran Lawatan Doktor Dalam Hospital (Maks. 180 hari)			
Elaun Tunai Harian Hospital Kerajaan (Maks. 180 hari)	RM200	RM200	RM200
<b>Penjagaan Ambulatori</b>			
Perkhidmatan Sebelum Pembedahan / Diagnosis Perubatan (Dalam Masa 60 hari)	Seperti yang Dicaj	Seperti yang Dicaj	Seperti yang Dicaj
Runding Cara Pakar Perubatan Sebelum Pembedahan / Perubatan (Dalam Masa 60 Hari)			
Pendapat Kedua Pembedahan			
Rawatan Selepas Keluar Hospital (Maks. 60 hari)			
Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar (Dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan dan rawatan susulan maks. 60 hari)			
Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan (Dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan dan rawatan susulan maks. 14 hari)			
Prosidur Penjagaan Harian (Pembedahan dan Perubatan) (sebelum dan selepas maks 60 hari)			
Yuran Ambulans			
Rawatan Kecemasan Pesakit Luar (dari 10.00 mlm hingga 8.00 pagi)	RM100	RM100	RM100
Bayaran Balik Yuran Laporan Perubatan	RM80	RM80	RM80
<b>Manfaat Tambahan</b>			
Faedah Kematian biasa atau akibat kemalangan	RM6,000 RM1,000 RM1,000	RM6,000 RM1,000 RM1,000	RM6,000 RM1,000 RM1,000
• Ahli			
• Pasangan			
• Anak-Anak (setiap seorang)			
<b>Manfaat Jangka Panjang</b>			
Rawatan Pesakit Luar Penyakit Kanser (Setahun)	RM3,500 (Had Berasingan dari RM 25,000 setahun)	RM3,500 (Had Berasingan dari RM 50,000 setahun)	RM3,500 (Had Berasingan dari RM 100,000 setahun)
Rawatan Dialisis Pesakit Luar Buah Pinggang (Setahun)	RM3,500 (Had Berasingan dari RM 25,000 setahun)	RM3,500 (Had Berasingan dari RM 50,000 setahun)	RM3,500 (Had Berasingan dari RM 100,000 setahun)
Pemindahan Organ Utama (Induk kepada penerima)	RM4,000 (Had Berasingan dari RM 25,000 setahun)	RM4,000 (Had Berasingan dari RM 50,000 setahun)	RM4,000 (Had Berasingan dari RM 100,000 setahun)
Elaun Bersalin Ditawarkan kepada pranita / ahli induk wanita sahaja (selepas setahun menyertai skim)	RM500	RM500	RM500

Disediakan oleh: Pengurusan Unit Insurans, Koperasi Tentera

Tarikh: 1 September 2022

03-2303 0000

 www.katmb.com.my

 Koperasi Tentera



Imbas kod QR untuk layari laman sesawang rasmi Koperasi Tentera



## Pengecualian

Tiada bayaran faedah akan dibuat bagi sebarang perkhidmatan, produk, atau keadaan atau kecederaan yang berpunca dari berikut:

1. Pembedahan kosmetik atau rawatan termasuk(tetapi tidak terhad kepada) sebagai contoh kelopak mata ganda, jerawat, keloid, bekas luka, tag kulit, alopecia disebarkan / kehilangan rambut, dan lain-lain), atau untuk rawatan komplikasi kecuali diperlukan secara perubatan oleh kecederaan yang berpunca daripada kemalangan dalam tempoh masa enam bulan dari rawatan utama. Bagi tujuan pengecualian "rawatan dasar" bermaksud rawatan pertama yang diterima untuk merawat kecederaan.

2. Penjagaan dan rawatan yang berbentuk eksperimen, siasatan dan tidak sesuai dengan standard profesional dan / atau tidak merupakan keperluan perubatan. Pengecualian ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) terapi seperti :

- rawatan sel stem, latihan berkaitan dan setiap komplikasi yang timbul selepas itu,
- jaminan darah,
- rawatan untuk gangguan menopause, kecuali untuk menopause pembedahan induksi

3. Rawatan bagi kecederaan yang dialami ketika melakukan jenayah atau felon, atau semasa dalam pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengkhayal minda atau sengaja mencederakan diri samada semasa siuman atau tidak.

4. Rawatan yang berkaitan dengan penyalahgunaan bahan seperti alkohol, narkotik dan sebagainya.

5. Penjagaan jururawat persendirian atau dipanggil kerumah yang diupah oleh Orang yang Diinsuranskan atau rawatan dari pusat rehat atau pusat rawatan persendirian untuk tujuan penyembuhan.

6. Ubat-ubatan dan alat pencegah kehamilan, prosedur-prosedur pemandulan atau rawatan untuk komplikasi, prosedur sebaliknya dan pemulihian atau rawatan organ seks yang tidak berfungsi atau ketidaksuburan.

7. Pemeriksaan dan rawatan yang berkaitan dengan kehamilan, termasuk melahirkan, kehamilan ektopik dan vesikular Mole dan semua komplikasi yang timbul daripadanya. Bagaimanapun, pengecualian ini tidak digunakan sekiranya keguguran di bawah 28 minggu yang disebabkan oleh kemalangan di bawah perlindungan Pelan Kesihatan Kumpulan, tetapi tertakluk kepada had bagi perlindungan ini. Walau bagimanapun, jika Orang yang Diinsuranskan mempunyai perlindungan Faedah Bersalin, had perlindungan adalah tertakluk kepada had-had faedah masing-masing.

8. Pembedahan pertukaran jantina dan terapi hormon seks berkaitan pembedahan seumpama itu.

9. Berkhatan kecuali perubatan diperlukan untuk rawatan penyakit.

10. Keadaan yang berkaitan dengan penyakit berjangkit seksual, AIDS dan Kompleks Berkaitan AIDS atau sekuelanya, dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.

11. Terapi alternatif seperti (tetapi tidak terhad kepada) Akupuntur, Akupressure, Kiropraktik, Osteopati, Refleksologi, Bonesetting, Urut, Terapi Aroma, Herba, Podiatrik, Konsultasi Dietik dan rawatan, dan sebagainya.

12. Vitamin, Makanan Suplemen, Perubatan Herba, Anti Obesiti / Agen Pelangsingan, Pelincir Mata dan sebarang suplemen atau ubat-ubatan yang boleh didapati di kaunter.

13. Sabun, Syampu, Pembersih, Krim Vitamin, Salap Vitamin, Pelembap, Pelincir, Anti-Penuaan, Rawatan Pemutihan dan sebarang produk yang mempunyai kesan yang serupa.

14. Gangguan psikotik, mental atau saraf dan keadaan tingkahlaku termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologikal atau psikosomatik

15. Setiap rawatan atau penilaian bagi penyakit semula jadi (sejak lahir), penyakit keturunan atau element perkembangan, kecacatan dan sebarang kehilangan upaya atau komplikasi yang timbul daripadanya termasuk tetapi tidak terhad kepada sist dermoid, hernia kanak-kanak / hidrokel (semua jenis hernia sehingga usia enam tahun adalah tidak dilindungi), kaki tombol, cacat septum ventrikil (VSD), cacat atrium septal (ASD), Thalasemia, mata juling, Haemangioma dll

16. Penyakit atau kehilangan upaya bayi baru lahir yang berlaku semasa dalam kandungan atau semasa kelahiran atau dalam tempoh 15 hari pertama selepas dilahirkan.

17. Ujian alahan - darah/topikal termasuk ujian tampalan.

18. Pemeriksaan fizikal rutin, pemeriksaan kesihatan, rawatan pencegahan dan ujian diagnostik yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis kehilangan upaya yang dilindungi.

19. Terapi pertuturan dan pemulihan anggota yang bukan merupakan sebahagian daripada program rehabilitasi setelah keluar dari hospital disebabkan trauma, kecuali yang merupakan rawatan susulan bagi kehilangan upaya pesakit dalam hospital dan tertakluk kepada had-hadnya.

20. Sebarang rawatan pembetulan untuk pembiasan yang tidak betul termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut seperti Ortoptik, stimulasi visual, Radial Keratotomi, Lasik, Intralase, Xyoptics, implan phakik IOL implan atau pembedahan penggantian intr-okular lense.

21. Semua pembetulan kacamata atau kanta lekap, kecuali kanta intraokular monofocal dalam pembedahan katarak.


22. Sebarang rawatan atau pembedahan pergigian kecuali apabila diperlukan disebabkan kecederaan yang diperolehi dalam kemalangan di bawah perlindungan hospital dan surgeri, tertakluk kepada had-hadnya. Sebaliknya Orang yang Diinsuranskan hendaklah mempunyai perlindungan faedah pergigian tertakluk kepada had-hadnya.
23. Penggunaan atau perolehan semua peralatan luaran (misalnya, anggota palsu, alat bantuan pendengaran, kebuk aero dan peralatan bagi penebulan, tekanan saluran hawa positif terus-menerus (CPAP), dialisis peritonieal Continuous Ambulatory (CAPD), alas ortopedik) dan kos sewa peralatan tersebut kecuali semasa berada dalam hospital di bawah perlindungan Pelan Kesihatan Kumpulan tetapi tertakluk kepada had-hadnya. Sekiranya jika Orang yang Diinsuranskan mempunyai Faedah Perubatan Utama, ianya adalah tertakluk kepada had faedah masing-masing.
24. Kesan daripada radiasi atau pencemaran radioaktif daripada sebarang sumber.
25. Peperangan, rusuhan, penentangan, pemberontakan, kekacauan awam, letupan senjata peperangan, aktiviti berhubung dengan keganasan, peperangan nuklear, peperangan/aktiviti biologi dan kimia.
26. Penyakit atau kecederaan yang dialami semasa dalam **perjalanan udara** kecuali sebagai penumpang membayar tambang atas penerbangan yang diiktiraf melalui laluan udara berjadual yang biasa dan perjalanan udara dengan mana-mana pesawat terbang sewa khas yang diberi lesen sebagai pengangkut udara yang diiktiraf dan dikendalikan oleh krew profesional antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan disenggarakan dengan betul.
27. **Perkhidmatan bukan perubatan** yang disediakan oleh hospital seperti tv, telefon, faks, radio, atau kemudahan seumpamanya. Caj bagi perkhidmatan ini hendaklah dibayar oleh Orang yang Diinsuranskan sebelum keluar hospital atau pusat rawatan harian kecuali seperti yang dinyatakan
28. **Terapi fizikal pesakit luar atau fisioterapi** tidak dilindungi dan tidak boleh dirujuk oleh doktor biasa. Perkhidmatan ini hanya dilindungi apabila dirujuk oleh doktor pakar dan rawatan hendaklah diperolehi dari Juru fisioterapi yang berdaftar. Orang yang Diinsuranskan hendaklah mempunyai perlindungan faedah hospital dan surgeri tertakluk kepada had-hadnya.
29. Terapi rehabilitasi pesakit luar, kimoterapi, terapi radiasi, immunoterapi, terapi photodynamic, dialisis ginjal dan lain-lain rawatan protocol terpilih (cth: terapi antiviral/interferon untuk hepatitis/multiple sclerosis, suntikan Lucrin untuk endometriosis, suntikan intra artikular, dll), kecuali Orang yang Diinsuranskan mempunyai perlindungan Plan Kesihatan Kumpulan Asas tertakluk kepada had-had faedah masing-masing.
30. **Suntikan pencegahan penyakit** kecuali bagi yang berikut yang digunakan bagi kanak-kanak yang layak sahaja (tertakluk kepada had pesakit luar, jika ada):-
- BCG (Perangsang);
  - Hepatitis B (Bayi sehingga berumur 1 tahun);
  - TriAntigen & Tetr Act Hib (Bayi sehingga berumur 1 tahun);
  - DwiAntigen (Perangsang), termasuk Polio secara telan;
  - MMR;
  - Rubela.
31. Kos yang ditanggung untuk sebarang sumbangan organ badan oleh Orang yang Diinsuranskan dan kos pemindahan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya.
32. Pemeriksaan dan rawatan gangguan tidur dan mendengkur.
33. Perbelanjaan yang ditanggung bagi kanta lekap, penggunaan kosmetik topikal/oral/prosedur pembedahan dan sebarang komplikasi yang timbul daripadanya.
- (PENGECUALIAN BERIKUT ADALAH DIGUNAKAN KEPADA FAEDAH KLINIKAL PESAKIT LUAR (DAPL&DPPL) BAGI POLISI TUNGGAL)**
34. **Prosedur pembedahan pesakit luar** seperti Jadual Surgeri Insurer (seperti Lampiran 1) tidak dilindungi bagi Orang yang Diinsuranskan yang mempunyai perlindungan penjagaan doktor pesakit luar sahaja atau perlindungan penjagaan doktor pesakit luar dan penjagaan doktor pakar sahaja.

## NOMBOR TALIAN BANTUAN



## Prosedur Kemasukan dan Pelepasan Hospital

### Proses Surat Jaminan



eTiQa